



DIKELUARKAN OLEH JABATAN MUFTI PERLIS

REZEKI YANG DIBERKATI DAN CARA MEMPEROLEHINYA

(TEKS KHUTBAH JUMAAT 22 NOVEMBER 2024
MASIHI/20 JAMADIL AWWAL 1446 HIJRAH

REZEKI YANG DIBERKATI DAN CARA MEMPEROLEHINYA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ. أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَخَيْرُ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا، وَكُلَّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٌ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ، وَكُلَّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan para jemaah sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat kelak. Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang berkaitan dengan; **“REZEKI YANG DIBERKATI DAN CARA MEMPEROLEHINYA”**.

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Allah Sekalian,

Rezeki adalah kurniaan Allah SWT kepada para hamba-Nya. Ia meliputi segala nikmat seperti makanan, harta, kesihatan, ilmu, ketenangan jiwa dan sebagainya. Namun, yang paling penting adalah bagaimana rezeki itu diperolehi dan sejauh mana keberkatannya.

Rezeki yang diberkati membawa kebaikan di dunia dan di akhirat, sedangkan rezeki yang tidak diberkati hanya membawa kesenangan sementara dan kesengsaraan yang berkekalan.

Rezeki yang diberkati serta halal ialah rezeki yang memberikan kebaikan kepada kita di dunia dan juga di hari akhirat kelak. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا

Ertinya; *"Sesungguhnya Allah itu baik dan tidak menerima melainkan yang baik"*.
(Hadis Riwayat Muslim)

Oleh itu, mencari rezeki dengan cara yang halal adalah asas kepada keberkatan. Sebaliknya, harta yang diperoleh melalui jalan yang haram seperti penipuan, riba, rasuah, atau penindasan, akan menghilangkan keberkatan dan membawa kesan buruk kepada kehidupan kita di dunia dan juga di hari akhirat kelak.

Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian,

Untuk mendapatkan rezeki yang diberkati, kita perlu mengamalkan beberapa perkara yang telah diajarkan oleh Islam. Setiap amalan ini berlandaskan dalil daripada al-Quran dan hadis-hadis yang sahih. Antara beberapa cara yang boleh kita lakukan untuk memperolehi rezeki yang diberkati ialah;

Yang Pertama; Bertakwa kepada Allah SWT. Takwa adalah asas utama untuk kita memperolehi rezeki yang diberkati. Allah SWT berjanji bahawa sesiapa yang bertakwa, Dia akan menyediakan jalan keluar bagi segala kesulitan dan memberinya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka. Allah SWT berfirman:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ۖ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ﴿٣﴾

Maksudnya; *"Barang siapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar, dan memberinya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka"*.

(Surah At-Talaq, Ayat 2-3)

Orang yang bertakwa sentiasa menjaga hubungan dengan Allah SWT, melaksanakan perintah-Nya, dan meninggalkan larangan-Nya. Mereka juga sentiasa mencari rezeki melalui jalan yang halal dan menghindari perkara haram.

Yang Kedua; Berdoa dan bertawakal. Iaitu benar-benar bergantung harapan kepada Allah SWT. Doa adalah keajaiban orang beriman. Seseorang yang sentiasa berdoa dan bertawakal iaitu menyerah dan mengharapkan daripada Allah SWT setelah berusaha menunjukkan pergantungan sepenuhnya kepada-Nya sebagai Pemberi rezeki. Allah SWT berfirman;

وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ﴿٣﴾

Maksudnya: ***“Dan barangsiapa yang bertawakkal kepada Allah nescaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya”***. (Surah At-talaq, Ayat 3)

Tawakal yang sebenar bukanlah bermaksud kita meninggalkan usaha, tetapi melaksanakan usaha dengan yakin bahawa Allah SWT adalah Maha Pemberi rezeki.

Sidang Jumaat Yang Dimuliakan,

Yang Ketiga; Bekerja dengan jujur dan amanah. Keberkatan rezeki terhasil daripada usaha yang jujur dan amanah. Orang yang bekerja dengan ikhlas dan menjauhi tipu daya akan diberkati oleh Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda:

الْبَيْعَانِ بِالْخِيَارِ مَا لَمْ يَتَفَرَّقَا فَإِنْ صَدَقَا وَبَيَّنَّا بُورِكَ لَهُمَا فِي بَيْعِهِمَا

Ertinya; ***“Dua orang yang berjual beli mempunyai hak untuk membatalkan jual beli sebelum mereka berpisah. Jika mereka jujur dan menjelaskan (barang dagangan mereka), maka keberkatan akan dilimpahkan kepada mereka”***. (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Jujur dalam pekerjaan, perniagaan atau urusan harian adalah kunci kepada rezeki yang halal dan diberkati.

Yang Keempat; Bersedekah. Sedekah adalah salah satu cara untuk rezeki diberkati serta melipat gandakan rezeki. Allah SWT berjanji bahawa harta yang disedekahkan tidak akan berkurang, malah akan diberkati dan digandakan. Nabi SAW bersabda;

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكَانِ يَنْزِلَانِ فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلْفًا وَيَقُولُ الْآخَرُ اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلْفًا.

Ertinya; *"Tidak ada satu hari pun yang berlalu pada waktu pagi, melainkan ada dua malaikat yang turun. Salah seorang daripada mereka berdoa: 'Ya Allah, berikanlah balasan (ganti) kepada orang yang memberi (berinfak).' Manakala yang seorang lagi berdoa: 'Ya Allah, timpakanlah kebinasaan kepada orang yang menahan (hartanya)'".* (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Dan Rasulullah SAW bersabda:

مَا نَقَصَ مَالٌ مِنْ صَدَقَةٍ

Ertinya; *"Harta tidak akan berkurang kerana bersedekah"*. (Hadis Riwayat Muslim)

Orang yang rajin bersedekah bukan sahaja memperoleh keberkatan dalam harta, tetapi juga ketenangan jiwa dan kasih sayang daripada orang sekeliling.

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Allah,

Yang Kelima; Bersyukur kepada Allah SWT. Bersyukur atas nikmat yang diterima adalah kunci kepada tambahan rezeki. Allah SWT berfirman:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ

Maksudnya; ***“Dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memaklumkan; Sesungguhnya jika kamu bersyukur (kepada Aku), pasti Aku akan menambahkan nikmat kepada kamu”.***
(Surah Ibrahim, Ayat 7)

Orang yang bersyukur bukan sahaja menikmati nikmat yang ada, malah Allah SWT akan menambah lagi nikmat kurniaan-Nya kepada mereka.

Yang Keenam; Menjaga hubungan silaturahmi sesama kaum kerabat. Silaturahmi adalah amalan yang membuka pintu rezeki dan memanjangkan umur. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، وَأَنْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ

Ertinya; ***“Barang siapa yang suka diluaskan rezekinya dan dipanjangkan umurnya, maka hendaklah dia menyambung silaturahmi”.*** (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Amalan menyambung silaturahmi seperti menziarahi kaum kerabat, membantu mereka yang memerlukan, dan menjaga hubungan baik dengan keluarga adalah sebab rezeki diberkati.

Inilah antara amalan yang boleh kita lakukan untuk kita memperolehi keberkatan rezeki. Terdapat banyak lagi cara untuk kita memperolehi rezeki berkat yang diajarkan oleh Islam. Mudah-mudahan kita dapat mengamalkannya.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Untuk mengakhiri khutbah yang pertama pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin membuat kesimpulan dari apa yang telah disampaikan sebentar tadi. Marilah kita mengamalkan cara-cara yang diajarkan oleh al-Quran dan al-Sunnah untuk kita memperolehi rezeki yang diberkati.

Rezeki yang diberkati bukan sahaja membawa ketenangan hidup di dunia tetapi juga kebahagiaan di akhirat. Allah SWT berfirman;

قُلْ إِنَّ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ ۖ وَيَقْدِرُ لَهُ ۖ وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِّن شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ ۖ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿٣٩﴾

Maksudnya; ***“Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhanku melapangkan rezeki bagi siapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkan bagi (siapa yang dikehendaki-Nya) dan barang apa saja yang kamu nafkahkan, maka Allah akan menggantikannya dan Dialah Pemberi rezeki yang sebaik-baiknya”.*** (Surah Saba': 39)

Semoga kita semua tergolong dalam kalangan hamba Allah yang sentiasa mencari keberkatan dalam rezeki dan kehidupan. Jadikan takwa, doa, usaha yang halal, serta amalan seperti sedekah dan menjaga silaturahim sebagai sebahagian daripada kehidupan kita agar rezeki yang diperoleh benar-benar membawa kebaikan di dunia dan di akhirat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Allah Sekalian,

Amalan melazimi istighfar. Sentiasa beristighfar dan bertaubat, (memohon keampunan kepada Allah SWT di atas dosa-dosa yang dilakukan) juga dapat memberi keberkatan serta kemurahan rezeki. Allah SWT berfirman dalam Surah Nuh ayat 10-12;

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا ﴿١١﴾ وَيُمْدِدْكُمْ بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ وَجَنَّاتٍ لَكُمْ تَجْتَوْنَ وَتَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَتَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا ﴿١٢﴾

Maksudnya;"*Sehingga Aku berkata (kepada mereka): 'Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, Sesungguhnya adalah ia Maha Pengampun.'*"(Sekiranya kamu berbuat demikian), *ia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah, kepada kamu;"Dan ia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan ia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya).*

Ayat ini menjelaskan bahawa mereka yang rajin memohon keampunan kepada Allah SWT akan diberikan pelbagai nikmat. Antaranya ialah hujan yang mencurah-curah, harta kekayaan, anak-pinak yang ramai, kebun yang subur, serta sungai yang mengalir. Ini menunjukkan bahawa istighfar bukan sahaja menjadi jalan untuk membersihkan dosa, tetapi juga menarik rahmat dan nikmat-Nya ke atas hamba-hamba-Nya. Allah SWT mengingatkan bahawa nikmat dunia yang melimpah adalah hadiah bagi mereka yang rajin memohon keampunan, tetapi ia juga perlu disertai dengan usaha dan tawakal.

Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian,

Sesungguhnya, Allah SWT berfirman dalam surah Al-Ahzab Ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ، وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat ke atas Nabi, maka wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu berselawat dan salam ke atas Nabi*”.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَقَاضِي
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah!, Ya Ghaffar! Engkau ampunilah seluruh kaum muslimin sama ada yang hidup ataupun yang telah mati. Ya Allah! Engkau berikan petunjuk hidayah serta rahmat-Mu kepada kami sekalian hamba-hamba-Mu dan kepada pemimpin kami terutamanya Raja pemerintah Negeri Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail serta kaum kerabat Baginda, supaya sentiasa beramal dengan kitab-Mu dan sunnah nabi-Mu Muhammad SAW dan Engkau lanjutkanlah usia baginda berdua dalam keadaan selamat, sihat sejahtera dan dengan kesihatan yang baik yang telah Engkau kurniakan kepada baginda berdua maka tertegaklah pemerintahan yang adil lagi diredhai oleh-Mu.

Ya Allah!, Ya Rahman! Kami memohon kepada-Mu dengan segala kerendahan diri sebagai hamba-Mu. Engkau indahkanlah akhlak kami. Engkau perbaikilah pergaulan antara kami. Engkau jadikanlah kami umat Islam yang bermentaliti kelas pertama dalam

tindakan. Engkau peliharalah kami dari penyakit lemah, malas, berfikiran dangkal dan buruk budi pekerti.

Ya Allah!, Ya Raafi'! Engkau angkatlah martabat setiap hamba-Mu yang berpegang dengan Al-Quran dan sunnah Nabi-Mu. Berilah kekuatan kepada kami untuk menghindari amalan syirik, bid'ah, khurafat dan maksiat.

Ya Allah!, Ya Rahim! Engkau limpahkanlah Negeri Perlis ini dengan keberkatan. Engkau bimbinglah kami penduduknya kepada amalan soleh yang engkau redha. Penuhi jiwa kami dengan mencintai agama-Mu.

Ya Allah!, Ya Raqib! Engkau jauhkanlah kami dari bala dan kerosakan. Engkau tambahkanlah nikmat-Mu kepada kami. Engkau berikanlah kepada kami kebahagiaan hidup di dunia dan di hari akhirat.

Ya Hayyu!, Ya Qayyum! Engkau selamatkanlah umat Islam yang dizalimi, ditindas, dijajah dan diperangi di Palestin.

Ya Allah!, Ya Nasiir! Engkau berikanlah pertolongan dan kemenangan kepada para pejuang yang berjihad untuk membela agamaMu dan memerangi musuh-musuh-Mu di Palestin.

Ya Allah!, Ya Qahhar! Engkau kenakanlah kecelakaan kepada musuh-musuh saudara kami di Palestin, dan timpakanlah ke atas mereka balasan kemurkaan-Mu pada hari ini, esok dan seterusnya. Ya Allah! Engkau cerai-beraikanlah kumpulan mereka, Ya Allah! Engkau pisahkanlah kesatuan mereka, Ya Allah! Engkau kurangkanlah jumlah mereka.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى

نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي

الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.